

## **Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.00 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada Persidangan yang kita adakan pada pagi tadi kita telah membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita telah bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

Walau bagaimanapun kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di Peringkat Jawatankuasa satu persatu.

Maka, bagi membolehkan kita meneruskan semula perbincangan dan perbahasan bagi kementerian yang berkenaan itu saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang dalam Jawatankuasa sepenuhnya.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

### **Yang Berhormat Pengerusi:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis ini sekarang bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbang RANG Undang-Undang (2017) Perbekalan 2017/2018 satu per satu. Mesyuarat Jawatankuasa yang kita tangguhkan pada pagi tadi

masih lagi membincangkan Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Walau macam manapun sebelum kita menyambung semula untuk membahaskan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat kenyataan terhadap pertanyaan yang telah ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 Kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk menjawab satu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii pada hari Khamis, mengenai Tajuk SE02A- Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dan Tajuk SE08A Pejabat Daerah Tutong iaitu Kod 002/000 Pelesenan dan Penguatkuasaan Yang Berhormat telah bertanya kenapa terdapatnya peningkatan dari Tahun Kewangan 2016/2017 ke Tahun Kewangan 2017/2018?

Kaola ingin memaklumkan bahawa di bawah Tajuk Penguatkuasaan dan Pelesenan bagi Bandar Seri Begawan. Anggaran Belanjawan 2016/2017 ialah sebanyak \$764, 230.00 meningkat kepada 2017/2018 kepada \$808,547.00 dan bagi Daerah Tutong dari \$216,354.00 bagi Tahun Kewangan

2016/2017 kepada \$219,750.00 bagi Tahun Kewangan 2017/2018.

Bagi Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan peningkatan peruntukan bagi Tajuk ini disebabkan penyerapan beberapa unit kepada satu unit yang besar bagi penstrukturan jabatan yang lebih efektif dan berkesan.

Dalam masa yang sama penstrukturan ini juga menyerap dan menyatupadukan peruntukan keseluruhan yang melibatkan pemeliharaan dan pembersihan aset-aset bangunan dan kawasan-kawasan dalam Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

1. Manakala bagi Daerah Tutong peningkatan berkenaan adalah:

- I. Bagi mendukung program-program pemberiangan penguatkuasaan bagi meningkatkan kesedaran peniaga-peniaga mengenai peraturan-peraturan yang berkuat kuasa pada masa ini dan penguatkuasaan pembersihan di tempat awam dan premis-premis perniagaan di bawah kawalan Jabatan Lembaga Bandaran Tutong.
- II. Meningkatkan lagi kualiti restoran dan kedai makan di bawah kawalan Lembaga Bandaran dengan memberikan taklimat dan bengkel kepada pemilik pengurus dan restoran

mengenai kepentingan meningkatkan tahap perkhidmatan kesihatan dan kebersihan premis dan pengendalian restoran dan kedai makan bagi meyakinkan pelanggan-pelanggan.

III. Ialah menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan penyeliaan Gerai Malam, Gerai Ramadan, Pekan Tutong.

Sekian sahaja yang dapat kaola jelaskan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Nampaknya Yang Berhormat Menteri Perhubungan suka untuk membuat kenyataan selanjutnya.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Yang Berhormat Pengerusi. Pada sebelah pagi tadi Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad ada menyentuh mengenai dengan peranan pengangkutan ataupun bas awam dalam sektor pelancongan khususnya dipanggil oleh Yang Berhormat sebagai Pelancongan Remaja atau *Youth Tourism*.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa ketika ini Kementerian Perhubungan telah melancarkan program Projek Peningkatan Bas Awam

dengan hasrat untuk meningkatkan keberkesannya. Projek ini bertujuan untuk membentuk semula bas awam yang ada sekarang ada. Memastikan sistem yang baharu mempunyai *connectivity* dan *reability* iaitu perkhidmatan yang menghubungkan penumpang-penumpang ke tempat-tempat yang penting di negara ini dan yang boleh diharapkan ketetapan waktunya. Perkara ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kaola akan terangkan lebih lanjut semasa giliran kaola untuk membentangkan Belanjawan Kementerian Perhubungan nanti.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tertarik dengan contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi iaitu apa yang dipanggil perkhidmatan *Bus Hop on and Hop off*. Barangkali tidak dapat diertikan sebagai sistem bas mudah turun dan naik.

Amalan ini memang dimaklumi dan Sistem *Bus Hop on and Hop off* banyak diperkenalkan di bandar raya yang besar yang ramai pelancong dan ada juga antaranya diberikan dengan secara percuma. Perkara ini dapat dilaksanakan memandangkan industri pengangkutan negara berkenaan yang sudah jauh lebih pesat dan membangun.

Oleh yang demikian, kaola berpendapat bahawa idea untuk memberikan perkhidmatan *hop on hop off* pada masa ini bagi mendukung pelancongan, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dapat dipertimbangkan apabila sudah tiba masanya nanti sesuai dengan pembangunan bandar dan juga meningkatnya pelancongan di negara ini,

**إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan sebelum itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, atas maklumat-maklumat tambahan yang telah pun dikemukakan. Sekarang kita menyambung semula perbahasan kita mengenai Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Senarai yang terdapat pada saya ini nampaknya sangat panjang. Tetapi walau macam manapun, saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ . جَسْتَمُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas ucapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, yang disampaikan di sebelah pagi tadi mengenai peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan juga pelan strategik yang telah dilaksanakan dan berbagai-bagai lagi usaha ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyampaikan Tajuk SH06A – Jabatan

Kemajuan Pelancongan, Kod Akaun 002/003 dan juga Tajuk SH03A – Jabatan Perikanan. Pertama sekali kaola ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas usaha-usaha dalam memberigakan sektor pelancongan negara ini dan pengenalan baharu pakej-pakej pelancongan yang telah ditawarkan.

Kaola sudah merasakan kesan-kesan positif atas usaha-usaha sedemikian. Ini bukan sahaja telah menarik pelancong dari luar negara bahkan jua penduduk di negara ini. Kaola percaya ada banyak lagi usaha yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi mutu pelancongan di negara ini. Justeru itu, kaola sarankan agar usaha-usaha ini akan sentiasa diteruskan. Kaola ingin menyentuh mengenai Istana Darussalam yang terletak di Kampung Sumbiling.

Istana Darussalam, satu istana yang penuh bersejarah. Pada pendapat kaola, tidak ramai yang tahu bahawa istana ini adalah tempat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diputerakan.

Pada pendapat kaola juga, istana ini boleh dijadikan mercu tanda, apatah lagi lokasinya yang berhampiran dengan Sungai Kedayan dan Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS). Justeru itu, adakah sebarang perancangan pihak kementerian bersama kementerian yang

lain untuk menjadikan istana ini sebagai satu tempat destinasi pelancongan?

Kaola fikirkan ini wajar diberikan perhatian. Tambahan lagi pada masa ini Projek Mangkin seperti Projek Regenerasi Sungai Kedayan sedang giat dilaksanakan. Sudah setentunya ia akan membuka ruang atau platform untuk kerajaan meningkatkan lagi martabat Istana Darussalam yang bersejarah.

Seterusnya, sebagai salah satu cadangan Yang Berhormat Pengerusi. Bagi menarik pelancongan ke negara ini, kaola ingin menyarankan agar aktiviti-aktiviti penangkapan ikan di perairan Brunei untuk dijadikan tarikan sebagai salah satu usaha mengembangluaskan sektor pelancongan di negara ini.

Sebagai contoh, di negara jiran telah mengadakan taman laut bagi menjalankan aktiviti-aktiviti memancing untuk dijadikan tempat perlawanan memancing yang berprestij yang telah banyak menarik minat penggemar-penggemar memancing dari seluruh dunia. Kaola rasakan ini bukan sahaja akan menjadikan negara sebagai destinasi aktiviti memancing bahkan ia juga boleh menjana ekonomi negara dari aspek pelancongan. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

#### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum kaola menjawab soalan Yang Berhormat ini, izinkan kaola membuat ulasan atau

menambah jawapan kaola pada pagi tadi yang belum cukup terutama soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu:

1. Adakah keanggotaan dalam menjalankan operasi dan penguatkuasaan itu mencukupi? Sebagai jawapannya, Unit Penguatkuasaan adalah dalam setiap jabatan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seperti Unit Permit dan Lesen, termasuk Renjer Hutan di Jabatan Perhutanan, Seksyen Penguatkuasaan Jabatan Perikanan dan Unit Penguatkuasaan Hidupan Liar. Walau bagaimanapun, jumlah keanggotaan penguatkuasaan di setiap jabatan dan bahagian kementerian ini adalah terhadap **الْحَمْدُ لِلَّهِ** dengan bantuan dan kerjasama daripada pihak agensi-agensi penguatkuasaan yang lain secara bersepadu, proses penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan baik.

Seksyen Penguatkuasaan adalah terdiri dari Jabatan Perikanan dengan kerjasama pihak Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Pasukan Polis Marin Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri. Kesemuanya telah berjaya menjalankan rondaan dan mengawal aktiviti-aktiviti *illegal fishing* termasuk pencerobohan nelayan asing.

Unit Permit dan Lesen adalah termasuk Renjer Hutan, Jabatan Perhutanan dengan kerjasama anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Ukur dan Jabatan Tanah, mereka ini telah berjaya menjalankan rondaan dan mengawal aktiviti-aktiviti haram seperti *illegal lodging*, pencerobohan sempadan dan mencuri kayu gaharu.

Selanjutnya, Unit Penguatkuasaan Hidupan Liar, Bahagian Hidupan Liar bekerjasama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei telah berjaya menjalankan rondaan dan mengawal aktiviti-aktiviti haram seperti penyeludupan haiwan yang terkawal. Kerjasama ini disepadukan dalam beberapa jawatankuasa keselamatan seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Penguatkuasaan Undang-Undang (JKPU);
- ii. Jawatankuasa Koordinasi Rondaan Senegara;
- iii. Jawatankuasa Keselamatan Salimbada; dan
- iv. Jawatankuasa Keselamatan Kawalan Maritim (JKKM)

Mengenai soalan rondaan rutin Bahagian Hidupan Liar, Perhutanan dan Perikanan

dalam kawasan-kawasan hutan dan marin, pemakaian pakaian seragam dan lencana.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan, Jabatan Perikanan dan Bahagian Hidupan Liar melaksanakan rondaan-rondaan bagi menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengambilan hasil hutan seperti kayu balak, gaharu dan bakau, hasil laut dan sungai dan hidupan liar.

Rondaan-rondaan ini dilakukan secara berjadual dan secara rawak termasuklah rondaan hutan mealalui jalan darat, jalan laut dan sungai dan juga rondaan sempadan hutan negara melalui rondaan udara. Semua agensi penguatkuasaan di bawah kementerian ini sentiasa menggunakan pakaian seragam dan baju *vest* yang mempamirkan logo jabatan dan bahagian masing-masing semasa menjalankan rondaan. Selain itu, Jabatan Perikanan menggunakan pas pengenalan semasa menjalankan rondaan.

Mengenai mengadakan Akta Pemeliharaan bagi kerja-kerja pemeliharaan penanaman pokok-pokok di kawasan yang telah diusahakan oleh syarikat-syarikat perkilangan, untuk makluman Akta Pemeliharaan telah termasuk dalam Akta Hutan dan Dasar. Dasar Perhutanan menekankan setiap syarikat kilang papan memerlukan untuk menanam semula pokok-pokok yang ditebang sebagai praktisnya menebang 1 pohon diganti dengan menanam 4 pohon.

Mengenai pemberigaan Akta Perhutanan Hidupan Liar dan Perikanan menerusi jerayawara di sekolah-sekolah rendah dan menengah, memang kementerian sering membuat pemberigaan Akta Hidupan Liar, Akta Hutan dan Akta Perikanan secara rutin kepada orang ramai terutamanya kepada sekolah dan masyarakat.

Mengenai memasukkan subjek Perlindungan Hutan dan Hidupan Liar dalam silabus MIB di sekolah, perkara ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dibincangkan kesesuaiannya dengan Kementerian Pendidikan.

Soalan status kolam ternakan udang di Daerah Tutong. Sebagai makluman di Kampung Sungai Paku beberapa tapak di bawah kawalan Jabatan Perikanan adalah seperti berikut:

1. Satu kawasan 13 hektar baharu ditawarkan kepada Syarikat Nur Nabai untuk mengusahakan penetasan ikan kerapu dan akan beroperasi tidak lama lagi. Syarikat Nornabai adalah *joint venture* antara syarikat dari Negara Brunei Darussalam dan sebuah syarikat dari luar negara, untuk mengusahakan penetasan ikan kerapu dan akan beroperasi tidak lama lagi dengan mengeluarkan anak-anak ikan kerapu pertama dalam bulan September 2017 ini;
2. Satu kawasan 25 hektar beroperasi sejak tahun 2011 oleh *Syarikat Golden Corporation* untuk mengusahakan ternakan udang rostris; dan

3. Satu lagi kawasan 40 hektar akan dibukakan secara *RAP* untuk industri ternakan udang laut dalam kolam;
4. Di kawasan Kampung Keramat, Telisai, terdapat sebuah kawasan 92 hektar sedang dioperasikan oleh 5 pengusaha udang dan 1 pengusaha penetasan ikan selonsong; dan
5. Manakala di Sungai Penyatang 200 hektar seperti yang telah dijelaskan tadi, tapak ini telah ditawarkan kepada sebuah syarikat pelabur asing iaitu *Syarikat Golden Corporation* dan dijangka akan membuat pungutan hasil pertama pada penghujung bulan ini.

Beberapa tapak baharu di Daerah Tutong telah dikenal pasti dan telah pun dipohonkan untuk digazetkan di bawah kawalan Jabatan Perikanan untuk ternakan udang laut dan dalam kolam dan penetasan ikan laut. Sekian sahaja sebagai jawapan untuk menyambung jawapan saya sebelah pagi tadi.

Bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maun seperti berikut:

1. Untuk menjadikan Istana Darussalam sebagai satu destinasi pelancongan, sebagai jawapannya Istana Darussalam adalah salah satu daripada destinasi dalam Bandar Seri Begawan sendiri iaitu termasuklah juga *Royal Regalia*, Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin, Jame 'Asr Hassanil Bolkiah, Maritim Muzium,

Kampung Air dan juga Istana Darussalam. Ertinya terkandung dalam pakej Bandar Seri Begawan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ terkandung juga dalam sekitar pembangunan ekokoridor di Kawasan Sumbiling dan Sungai Kedayan yang sedang berjalan rancak ketika ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan pembangunan kawasan di sekelilingnya Istana Darussalam akan menjadi lebih menarik daripada masa yang lalu, kerana terdapat kawasan-kawasan sekelilingnya yang tidak begitu bersesuaian. Sebagai jawapannya memang Istana Darussalam adalah salah satu produk yang terkandung dalam pakej Bandar Seri Begawan; dan

2. Mengenai cadangan aktiviti penangkapan ikan menjadikan tarikan pelancong. Memang di kawasan sangkar-sangkar ikan di kawasan Pulau Pelompong mungkin lebih jauh di Pulau Pulong-Pilongan sekiranya boleh satu masa dijadikan tempat destinasi pelancongan, ertinya untuk mengadakan penginapan bagi pelancong-pelancong dan seterusnya boleh melibatkan diri dengan aktiviti memancing ataupun memberi makan ikan ataupun menangkap ikan untuk dipasarkan.

Walau bagaimanapun, bagi aktiviti-aktiviti pertandingan memancing secara antarabangsa, perkara ini akan diteliti lagi disebabkan ada, memang ia bukan perkara baharu difikirkan, sudah lama tetapi memikirkan kesesuaiannya adakah

kawasan kita lebih sesuai dari segi kedalamannya, segi keberadaan ikan yang sering digemari oleh peserta-peserta yang ikut bertanding itu.

Dibandingkan di negara-negara jiran bahawa kawasan perairannya lebih dalam dari tempat kita dan oleh yang demikian, boleh mengadakan lebih banyak ikan yang lebih besar, lebih menarik untuk mereka bertanding dengan tidak perlu pergi lebih jauh dari daratan, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** bagaimanapun akan difikirkan. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**  
**السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**  
 dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang telah dijelaskan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kaola sukacita merujuk di bawah Tajuk SH01A – Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

1. Untuk menjana atau meningkatkan kualiti pelancongan khususnya di Daerah Belait yang penting ialah aksesibiliti iaitu kemudahan jalan raya. Di Daerah Belait banyak tempat yang berpotensi untuk dijadikan tarikan pelancongan.

Contohnya *eco-tourism* seperti air panas di Mukim Sungai Sukang, *wasai-wasai* yang terdapat di Mukim Labi, rumah etnik puak di Kuala Balai dan tidak kurangnya di kawasan Sungai Teraban yang mendapat jolokan 'Pulau Hawaii' berpotensi untuk industri pelancongan.

Setakat ini belum ada kalangan *investor* tempatan yang menerokai bidang *eco-tourism* pada skala yang besar, kalau adapun hanya secara kecilan sahaja. Kekuatan Daerah Belait adalah dari industri ini.

Soalan kaola sudahkah ada perancangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan khusus Bahagian Pelancongan mengenai perkara ini? kalau ada bagaimana kementerian mempromosi perkara berkenaan dan apakah ada usaha kearah mewujudkan industri pelancongan?

2. Seterusnya kaola beralih kepada Tajuk SH02A – Jabatan Perhutanan. Mengenai isu kebakaran hutan yang melibatkan tanah gambut di kawasan Hutan Simpan setiap musim kemarau yang banyak merugikan kerajaan. Justeru itu, undang-undang perlu dibuat untuk orang ramai agar menjauhi kawasan hutan simpan. Orang awam kurang pendedahan mengenai perkara ini. Pemantauan hutan perlu digandakan terutama pada musim kemarau. Promosi di televisyen juga perlu dibuat Jabatan Perhutanan mengenai hutan kitani.

Kaola juga menyokong cadangan usul Yang Berhormat Awang Ramli bin Haji Lahit mengenai jerayawara bagi mendidik masyarakat tentang pentingnya pemeliharaan hutan dan dalam kokurikulum sekolah perlu diterapkan dengan *environmental education* khususnya menjaga alam sekitar hutan hujan tropika dan dalam hal ini juga diusulkan supaya diwujudkan Taman Negara di ulu Daerah Belait kerana ia sebahagian daripada *Heart of Borneo* seperti yang terdapat di Daerah Temburong.

Kedua, Jabatan Perhutanan ada mempunyai sebuah bangunan *biodiversity* di Andulau, Mukim Sungai Liang. Kaola ingin mengetahui apakah sebenarnya fungsi bangunan tersebut kerana ramai orang tidak mengetahui apa fungsinya dan ia kelihatan sunyi dan seolah-olah tidak mempunyai peranan. Maka diusulkan supaya diperbanyakkan aktiviti di bangunan tersebut supaya ia terserlah dan diketahui umum.

Seterusnya kaola beralih di bawah Tajuk SH04 - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

1. Apakah situasi terkini penanaman Padi Laila? Apakah sudah boleh negara menjadi sara diri dalam penanaman padi? Bagaimana sambutan di dalam negeri dan apakah sudah ia menerokai pasaran antarabangsa?; dan
2. Bagi menggalakkan orang ramai bertanam padi hendaklah dikaji semula harga pembelian padi dari

kerajaan agar banyak yang bermotivasi menerokai industri ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat atas soalnya. Tadi ada empat soalan, mana yang dapat kaola jawab awal akan kaola jawab Yang Berhormat Pengerusi *otherwise* kaola jawab kemudian sahaja.

Nampaknya semua Yang Berhormat berminat dengan bidang pelancongan, terima kasih. Memang banyak lokasi yang boleh kitani kembangkan sebagai destinasi pelancongan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. *By the way*, kementerian saya namanya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, bukannya Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Jadi harap maklum.

Jadi misalannya ada Kampung Sukang, ada kawasan air yang menarik untuk dilawati, kawasan Wasai Labi, Kawasan Kampung Kuala Balai dan Kampung Sungai Teraban dan adakah perancangan pihak pelancongan untuk mengembangkan destinasi pelancongan? Adakah promosi-promosi itu telah dibuat? Jadi seperti yang koala tekankan tadi, kitani masih lagi mengukuhkan kekuatan kitani yang ada pada masa ini iaitu Brunei masih lagi terkenal dengan Kampung Air-nya, Bandar Seri Begawan warisan dan sejarahnya dan juga Daerah Temburong sebagai destinasi *eco-tourism*.

Dalam jadual kementerian selanjutnya adalah untuk mengukuhkan produk-produk di Daerah Tutong. Perkara ini sudah dimulakan oleh komuniti-komuniti di Daerah Tutong sendiri tetapi perlu sokongan yang kukuh dari kementerian ataupun Bahagian Pelancongan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan selepas itu barulah kita akan melaratkannya di Daerah Belait.

Di Daerah Belait seperti yang telah dikenal pasti kawasan Taman Perhutanan Luagan Lalak terdapat tasik yang sangat cantik dan juga terdapat hutan simpanan yang boleh dijadikan sebagai asas *eco-tourism* dan selanjutnya dalam perjalanan yang sama iaitu sepanjang jalan ke Labi mungkin ke Bukit Teraja juga akan di *develop* sebagai destinasi pelancongan sebagai satu pakej. Bukannya Bukit Teraja dan Luagan Lalak sahaja tetapi sepanjang jalan dari Sungai Liang sampai ke Rampayoh itu menjadi satu destinasi yang boleh dilawati mungkin sehari atau dua hari. Mungkin terpaksa bermalam sama ada di Rampayoh ataupun di Luagan Lalak itu sendiri.

Besar kemungkinan Kampung Sukang dan Wasai Labi akan terkandung dalam pakej berkenaan. Walau bagaimanapun, Kuala Balai dan Sungai Teraban diadakan satu pakej lain lagi. Dapat diadakan dua pakej atau 3 pakej untuk di Daerah Belait itu sendiri. Jadi itulah yang kaola sebutkan pagi tadi, ini memerlukan kerjasama daripada komuniti, Pejabat Daerah, dari ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu

Mukim untuk sama-sama mengembangkan kekuatan produk masing-masing sebagai destinasi pelancongan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kalau ada keinginan daripada komuniti berkenaan, kementerian akan cuba untuk membantu. Jadi, masa ini kitani cuma membantu komuniti yang sudah ada menampakkan kegigihan mereka untuk mengembangkan mukim dan kampung mereka sebagai destinasi pelancongan. Kalau ada peluang dan ruang kementerian untuk lebih proaktif dan kementerian akan meninjau tempat-tempat berkenaan untuk dijadikan sebagai destinasi pelancongan juga.

Yang Berhormat Pengerusi, buat masa ini kaola akan *skip* dulu mengenai Tajuk Hutan dan Biodiversiti ini kerana lebih teknikal bagi kaola untuk menjawab soalan ini. Mengenai pertanian iaitu kedudukan padi Laila ketika masa ini sama ada sudah mencapai sara diri ataupun boleh dipasarkan ke pasaran eksport dan harga-harga pembelian daripada pihak kerajaan. Padi Laila sebenarnya mempunyai *yield* yang rendah berbanding dengan padi asli negara kitani seperti padi Pusu, padi Adan. Padi Laila itu mempunyai *yield* yang lebih tinggi iaitu 3 tan ke 4 tan padi setiap satu hektar.

Walaupun bagaimanapun, pada masa ini kita sedang memperkenalkan padi Titih. Mulai hujung tahun ini kita akan memperkenalkan padi Titih. Ia mempunyai *yield* setiap hektar adalah 8 tan sehektar. Jadinya adalah lebih menguntungkan kepada petani-petani

dan peladang-peladang kitani untuk menukar daripada padi Laila kepada padi Titih mulai hujung tahun ini ataupun awal tahun depan kerana saiz tanah, air, tenaga buruh dan baja yang sama tetapi hasilnya lebih tinggi.

Lebih logiklah kepada peladang-peladang itu akan berpindah daripada padi Laila kepada padi Titih. Memang dasar kementerian untuk menambahkan keluaran tadi itu akan mencari benih padi yang boleh menghasilkan lebih padi dan lebih beras satu hektar.

Walaupun kita sedang memperkenalkan padi Titih untuk ditanam hujung tahun ini tetapi kementerian juga bercita-cita untuk mencari benih yang lebih tinggi hasilnya sehingga 12 ke 13 tan sehektar dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diperkenalkan pada tahun 2019. Walaupun sekarang ini jadi tujuan kita, tapi itu cuma sementara kita akan berpindah lagi dari benih padi yang lebih berhasil tinggi lagi.

Mengenai sara diri dengan padi Laila pun kita tidak berdaya mencapai sara diri dan kementerian pun sudah membuat perkiraan. Walaupun kita berpindah kepada padi yang menghasilkan 13 tan sehektar, 12 tan sehektar pun tidak akan mampu untuk mencapai sara diri. Kita memerlukan dalam 30,000 tan beras setiap tahun ertinya dalam 60 metrik tan padi setahun. Jika kita mengusahakan sebanyak lebih kurang 800 hektar yang ada ketika ini yang menggunakan perairan yang sistematik pun kita tidak akan mampu 100% sara diri. Paling banyak kita akan dapat mencapai 30% sara diri sahaja.

Persoalannya kementerian ketika ini, bukan memfokus kepada sara diri tetapi memfokus kepada produktiviti untuk memastikan peladang-peladang itu dapat menanam padi yang berhasil tinggi sehingga keuntungan mereka lebih besar daripada sekarang ini dengan kos yang sama.

Tujuan seterusnya ialah apabila mereka mendapat keuntungan yang besar sehingga mereka tidak memerlukan subsidi lagi dan sama juga dengan pembelian padi daripada peladang dengan harga \$1.60 satu kilogram. Setelah diproses menjadi beras, cuma separuh sahaja menjadi beras yang baik dan beras ini akan dijual dengan harga \$1.15 per kilogram. Ertinya kerajaan mengalami kerugian besar ketika ini.

Jika kita teruskan amalan ini, dinaikkan lagi, mungkin dengan keadaan ekonomi kita, harga minyak kita rendah masa ini, mungkin akan lebih membebankan kerajaan yang tidak akan berkesudahan. Itulah sebabnya kita memfokus kepada peningkatan hasil setiap hektar itu dengan tidak menambah kos yang signifikan dan keuntungan yang besar.

Mungkin satu masa bukan kita menaikkan harga pembelian daripada peladang itu, akan mengurangkannya tapi keuntungan peladang bukannya makin berkurang akan lebih besar lagi. Disebabkan kita tidak akan mampu untuk sara diri sepenuhnya dan akan memfokus eksport dalam perusahaan padi ini. Jika memang ada *market* untuk mereka eksport dan mengimport ke luar

negara tidak dihalang, tapi memerlukan kebenaran daripada pihak autoriti.

Soalannya berapakah keuntungan (*yield*) kita pada tahun ini?, ertinya *yield* kita pada tahun ini akan bertambah dari 3 tan kepada 8 tan dan akan naik lagi kepada 13 tan, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dalam tahun 2019 dan 2020.

Mengenai dengan perhutanan dan *bio-diversity* akan kaola jawab kemudian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** Selamat Petang. Salam sejahtera. Pada petang ini, kaola akan menyentuh di bawah Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan. Seperti mana yang kita maklum bahawa kedatangan pelancong ke Negara Brunei Darussalam semakin meningkat setiap tahun. Ini menandakan Negara Brunei Darussalam telah diminati dan disenangi oleh pelancong-pelancong asing. Dengan kedatangan pelancong asing ini juga boleh meningkatkan ekonomi negara kita dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, sukacita mengetahui apakah perancangan dan inisiatif seterusnya Jabatan Pelancongan bagi menggalakkan kapal-kapal persiaran pelancongan supaya kerap singgah serta datang ke negara ini dan seterusnya tinggal lama di negara ini?

Seterusnya kaola merujuk Tajuk SH03A – Jabatan Perikanan. Perairan di Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan menghasilkan ekonomi kepada rakyat di negara ini, seperti ikan, udang dan sebagainya untuk mengekalkan hasil perekonomian laut.

Adakah perancangan Jabatan Laut, untuk menambah, membuat takat-takat untuk membolehkan ikan-ikan membiak dan bertapak dengan teratur dan terkawal? Perkara ini, boleh mengekalkan pengeluaran ikan tempatan sentiasa berterusan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

Mengenai apakah perancangan kementerian untuk menggalakkan kapal-kapal persiaran singgah dan tinggal lama di Negara Brunei Darussalam? Memang, kementerian menggalakkan Brunei menjadi persinggahan *cruise ship* ataupun kapal-kapal persiaran.

Untuk makluman, bahawa kapal persiaran ini, kebanyakannya bermula di Singapura dan mereka akan belayar, ertinya Brunei, Manila dan mungkin ke Vietnam dan terus balik ke Singapura, itu laluan mereka. Mereka ini selalunya aktif di rantau ini ketika musim sejuk. Kebanyakan pusat kapal persiaran ini di kawasan *Mediterranean* bukan di kawasan Florida. Jika musim panas mereka akan berada di sana dan jika

musim sejuk baru mereka berada di sini. Memang tataranya, mereka ini singgah di mana-mana pun cuma 10 jam sahaja, sama ada di Brunei, Manila, Vietnam ataupun Bangkok dan balik lagi ke Singapura cuma 10 jam sebagai persinggahan sahaja.

Di Singapura pun kebanyakannya pelanggannya datang melalui kapal terbang dari Eropah dan dari kapal terbang mengambil teksi terus ke kapal dan dari kapal terus mereka belayar. Begitulah dalam satu minggu. Tapi singgah dalam setiap bandar itu, memang untuk 10 jam sahaja. Itu memang cara mereka.

Jadi kita mengambil peluang walaupun dalam 10 jam itu, akan menggalakkan *travel-travel agent* ini untuk membawa mereka ke Bandar Seri Begawan untuk memperkenalkan di Kampung Air, Bandar Seri Begawan, *Empire Hotel And Country Club* supaya mereka kenal Brunei secara tepat dan mudah-mudahan mereka akan datang lagi jika mereka betul-betul tertarik dengan apa yang mereka lihat secara sekejap sahaja semasa berada di Brunei.

Itulah cara kementerian untuk mengambil kesempatan daripada persinggahan 10 jam itu. Walau bagaimanapun, mereka ini sudah cukup tempat tidur, tempat makan, mereka tidak perlu makan kerana akan keluar setelah mereka sudah makan dan balik sebelum waktu makan di kapal itu. Jadi kita tidak dapat banyak berharap daripadanya tetapi bagus juga mereka

singgah bagi salah satu cara mempromosi Negara Brunei Darussalam.

Mengenai ikan adakah rancangan meletakkan takat-takat itu? Memang ia akan diteruskan usaha-usaha untuk membina lebih banyak takat lagi untuk dapat membiakkan ikan-ikan di kawasan perairan Brunei. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman**

@ **Othman:** اللَّهُمَّ الْحَمْدُ لله terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
dan salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola sekali lagi merakamkan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kaola akan menyentuh yang berkaitan dengan Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Dalam usaha memberikan jalan dan ruang bagi pencari pekerjaan bagi belia-belia yang memang tidak dapat berpeluang untuk meneruskan pelajaran sama ada mereka telah memilih untuk tidak meneruskan persekolahan. Majlis Perundingan Mukim dan Kampung telah memberikan laluan dan kesempatan agar mereka ini akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti di kampung seperti Jawatankuasa

Pengawasan Kejiranan, Perekonomian dengan melibatkan diri dalam Satu Kampung Satu Produk iaitu *1K1P*.

Walau bagaimanapun, penglibatan dan penyertaan mereka ini agak minimal dan terbatas. Belia dan penduduk kampung lebih mempunyai keyakinan untuk mendapatkan pekerjaan atau aktiviti perekonomian yang lebih dapat menjamin kehidupan, yang dapat menyara kehidupan mereka. Salah satu aktiviti yang dapat memberi peluang dan keyakinan ini ialah aktiviti yang menjana perekonomian melalui pertanian sama ada bertanam buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman yang bernilai komersial dan berternak.

Walau bagaimanapun, apa yang kaola katakan ini mungkin terlalu senang untuk diperkatakan namun sebagai usaha untuk menangani masalah belia kampung dan penduduk kampung dan mukim yang sedang mencari pekerjaan.

Dalam konteks ini, mungkin Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memberikan bantuan dan laluan menerusi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi merealisasikan hasrat ini seperti memberikan tapak tanah yang bersesuaian. Bantuan perkhidmatan ilmu berkaitan dengan cara bertani, cara berternak, cara menyemai dan kemungkinan teknologi terkini bertani seperti *vertical farming*. Jika mukim-mukim dan kampung-kampung diberikan kesempatan kemungkinan sara hidup terhadap komoditi sayur-mayur bahkan ternakan dapat dicapai dalam waktu jangka masa

panjang dan sekali gus memberikan pekerjaan kepada belia.

Kaola ingin menyentuh lagi mengenai cadangan kaola ialah khusus mengenai bajet bagi Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas usaha meningkatkan perkembangan stok ikan melalui *aquaculture*. Tidak dinafikan usaha ini telah dapat menyumbangkan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu *KDNK*.

Kaola ingin menyokong seperti mana yang dihujahkan oleh rakan saya Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dimaklumkan yang stok ikan di perairan negara telah berkurangan. Kaola melihat sangat kurang usaha dalam mengatasi masalah stok ikan yang berkurangan di perairan ini.

Oleh yang demikian, dalam Dewan yang mulia ini kaola ingin mengongsikan sinergi kehidupan ikan dan manusia ada persamaan dalam mencari tempat bermastautin seperti juga manusia. Ramai manusia akan bertapak dan bertumpu di satu tempat yang punca makanan yang banyak serta tempat kehidupan yang terjamin dan selamat. Bagi ikan, takat atau rumah ikan adalah tempat yang menarik ikan-ikan untuk bermastautin. Malah akan menarik ikan-ikan dari perairan lain untuk datang dan menetap di kawasan takat tersebut.

Tapi apa yang terjadi pada masa ini, takat-takat dan rumah ikan di perairan negara ini telah habis musnah akibat

penangkapan ikan yang tidak terkawal dan punca utama ialah kapal Pukat Tunda. Keadaan ini menyebabkan ikan-ikan di perairan Brunei tidak ada tempat berlindung dan membiak seterusnya dari perairan negara lain kerana di sana banyak rumah ikan yang baru dibina iaitu takat tiruan.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Pengerusi, kaola mencadangkan Jabatan Perikanan supaya mengambil langkah yang serius untuk mengusahakan membuat takat tiruan dalam usaha kita menarik ikan-ikan singgah dan bermastautin di perairan kita dan menambah biak ikan-ikan itu. Kaola yakin dengan bertawakal kepada Allah kita akan dapat meningkatkan stok ikan negara kita. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat dengan soalan-soalan yang diajukan.

Soalan pertama iaitu berkenaan dengan pekerjaan belia, mukim-mukim dan kampung-kampung selain daripada melalui Satu Kampung Satu Produk dan mengenai penglibatan belia atau siapa sahajalah dalam aktiviti bertani, berladang ataupun jadi nelayan adalah digalakkan, tiada halangan dan yang paling penting ialah kalau mereka mahu mendapatkan bantuan, bantuan teknikal terutamanya, sebaiknya mereka melaporkan diri atau mendaftarkan diri kepada Jabatan Pertanian ataupun Jabatan Perikanan.

Jadi dengan sendirinya, di sana mana-mana latihan yang dijalankan ataupun dirancang sepanjang tahun mereka boleh dipanggil untuk menghadirinya. Perkara ini memang berlaku ketika ini. Sesiapa sahaja yang ingin aktif dalam bertani, berladang kalau mereka tidak mendaftar mereka tidak akan tahu. Paling penting pertama sekali mereka mesti mendaftar.

Dari segi teknikal memilih benih, jenis tanaman yang berhasil tinggi dan teknik-teknik baharu ataupun lama yang boleh diamalkan boleh di *expose* dan selanjutnya diadakan program lawatan ke ladang-ladang yang sudah berjaya di seluruh negara untuk bakal petani dan peladang itu untuk ikut serta.

Selain itu, kerajaan juga menyediakan sekolah teknikal iaitu *Wasan Teknikal School under IBTE* yang menjalankan kursus-kursus bagi orang kitani yang tidak melanjutkan pelajaran dalam bidang akedemik untuk belajar bagaimana cara bertani, berladang dan juga dalam sektor perikanan yang bererti tiada halangan dan peluang terbuka luas untuk siapa sahaja.

Mengenai tanah ialah pada masa ini kementerian sudah menawarkan tanah-tanah yang lengkap dengan infrastruktur dan separuh lengkap untuk diusahakan orang ramai dalam bidang pertanian ini.

Walaupun kiranya secara kecil-kecilan pun boleh jua kalau sekiranya ada peladang-peladang berminat untuk berladang dan mencuba salah satu aktiviti peladangan termasuk penanaman bunga-bunga, buah-buahan, sayur-

sayuran dan *even* berladang ayam, kambing yang boleh ditimbangkan secara projek *pilot scheme*, ertinya diberi dahulu sedikit iaitu satu hektar atau dua hektar. Terpulang kepada apa jenis yang diusahakan dan kalau sudah berjaya ia boleh ditambah lagi.

Perkara ini sudah pun berjalan selama ini. Anak-anak muda telah diberi ladang seluas 2 hektar di kawasan Sinaut dalam usaha menanam tanaman *merunggai*. Jadi ini boleh dijadikan teh dan lain-lain lagi.

Dalam 2 hektar itu, kalau ia benar-benar mampu dan betul-betul serius, mereka akan diberi tambahan lagi tanah itu mungkin tidak diusahakannya payah jua, jadi ia baru bermula, beri dulu sedikit tapi 2 hektar itu besar dalam sekitar 5 ekar. Itulah jalannya kalau belia yang ingin serius untuk bergiat aktif dalam ladang akan diberi, yang tempohnya mungkin dalam dua ke tiga tahun, tidak boleh selama-lamanya. Dikhuatiri apabila diberi tanah mungkin akan disewakannya kepada orang lain. Itulah yang akan dikhuatiri nanti.

Berkenaan dengan perikanan, stok ikan yang berkurangan. Seperti yang kaola *mention* sebentar tadi, memang takat-takat telah pun dibina di kawasan perairan Brunei tapi lebih banyak lagi akan diusahakan. Seperti yang terdapat di negara jiran, kaola akan mengusahakannya melalui Jabatan Perikanan bagaimana cara kitani melaksanakan perkara ini jua.

Mengenai aktiviti pukut tunda, yang sedang berjalan pada masa ini, memang

perkara ini bukanlah perkara yang disukai oleh kementerian dan juga Jabatan Perikanan. Malangnya kita ada pengusaha tempatan yang masih belum dapat berpindah daripada sistem pukut tunda kepada sistem penangkapan cara lain.

Kaola sedang berunding dengan pengusaha ini supaya berfikir cara lain untuk mencari sumber perikanan itu. Namun tidak dapat jua terus menyekat rezeki mereka, tapi dengan kerjasama pihak Yang Berhormat sendiri sama-sama kita merayu mereka, supaya memberhentikan dengan sesegeranya praktis menggunakan pukut tunda ini.

Ia betul-betul tidak sesuai sedangkan negara jiran pun sudah mengharamkan penggunaan pukut tunda ini seperti Hong Kong dan Indonesia. Jadi kitani pun memberikan pendedahan kepada mereka supaya berpindah ke *aqua culture* ataupun cara menggunakan *vessel* lain di laut dalam untuk menyambung perusahaannya itu. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola akan bercakap mengenai Tajuk SH04A dan Tajuk K24150- Perkembangan Produk Pelancongan.

1. Kaola akan menyentuh mengenai pelancongan. Kaola merasa gembira yang Daerah Tutong juga akan dimasukkan dalam rancangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk dimajukan dalam industri pelancongan. Kaola percaya potensi Daerah Tutong sebagai eko pelancongan kerana adanya keindahan semula jadi seperti Sungai Tutong, wasai yang terdapat di mukim-mukim dan tempat rekreasi seperti Taman Anak Pulau Bukit Ukub, yang terdapat pengusaha yang mengusahakan Rumah Gayoh yang pada masa ini sentiasa dikunjungi oleh pelancong-pelancong dari luar negara iaitu dari Jepun, Itali dan Amerika. Walaupun mereka datang secara tidak ramai iaitu 4-5 orang satu kumpulan iaitu untuk merasa bagaimana kehidupan dalam hutan dan tidur dengan menggunakan lampu cara lama.

Begitu juga Taman Rekreasi Sungai Basong terdapat rumah-rumah puak Daerah Tutong tetapi perlu kepada pembaikan dan kawasanya diperluaskan untuk menempatkan aktiviti-aktiviti yang menggambarkan cara hidup puak-puak yang terdapat di Daerah Tutong.

Ada baiknya kaola cadangkan Daerah Tutong dijadikan identiti iaitu menempatkan rumah-rumah budaya bagi semua puak di Negara Brunei Darussalam. Daerah Tutong juga terdapat pantai-pantai seperti Pantai Seri Kenangan, Pantai Kampung Danau dan juga Pantai Kampung

Penanjong. Kaola mencadangkan rekreasi yang sudah dikenali Tasek Merimbun difokus untuk dibangunkan lebih dahulu sebagai produk destinasi pelancong dengan dimajukan oleh pihak kerajaan ataupun swasta. Saya berkeyakinan bahawa kesan daripadanya bukan sahaja ekonomi penduduk persekitaran meningkat tetapi penduduk mukim dan kampung yang menjadi laluan dapat menjana ekonomi seperti hasil-hasil produknya. Daerah Tutong nampaknya kurang dikunjungi mungkin kerana tidak terdapat industri yang besar.

Maka, dengan adanya industri pelancongan dihidupkan di daerah Tutong, akan sentiasa dikunjungi bukan hanya setakat persinggahan. Dengan itu, segala produk Majlis Mukim dan Kampung, perhotelan dan rumah-rumah penginapan yang terdapat di daerah Tutong akan dikunjungi dan dapat meningkatkan ekonomi penduduk yang berada Daerah Tutong.

Kaola juga ingin menyentuh Tajuk SH02A. Bermula pada tahun 2008 kegiatan menanam pokok gaharu agak rancak diusahakan oleh orang-orang yang berminat menanam di tanah-tanah persendirian atau *TOL*. Pada peringkat awal pengusaha berminat menanam pokok gaharu yang diimport dari luar negara iaitu dari negeri Malaysia (Kelantan) dan Thailand iaitu sejenis spesies *subintegra* yang dijual dengan harga \$13.00 sepohon dan boleh ditanam satu ekar lapan ratus ke seribu

pohon dan tempoh matang, boleh dituai 5 ke 8 tahun. Sepengetahuan kaola ada yang menanam sampai kedua ribu pohon. Beberapa tahun kemudian, Jabatan Perhutanan tidak menggalakkan lagi untuk menanam pokok yang diimport ini kerana ingin mengetengahkan pokok gaharu Brunei Darussalam. Maka, selepas itu pengusaha hanya menanam pokok gaharu tempatan yang dikenali spesies *thymelaecae* yang tumbuh liar di hutan-hutan tertentu negara kita dan tempoh matangnya berbelasan tahun.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebahagian besar penanam pokok gaharu kerana terpengaruh dengan ajakan kawan-kawan dan pujukan penjual yang menjual anak pohon gaharu yang mengatakan menanam pokok gaharu akan mendapat pulangan yang lumayan.

Maksud kaola, penjual hanya menjual pokok gaharu tetapi tidak memberi susulan atau ilmu bagaimana untuk mendapatkan hasil produk dari penanaman pokok gaharu tersebut apabila matang, seperti mendapatkan taras gaharu, minyak gaharu asli, minyak wangi daripada pati gaharu, keping-keping kecil untuk terapi, aroma dan hasil kraftangan.

Kaola mencadangkan dan mengharapkan supaya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan membantu pengusaha yang sebahagian besarnya warga emas untuk memberikan bengkel atau kursus dengan mendatangkan pakar-pakar dari negara jiran atau pegawai-pegawai dari

Jabatan Perhutanan sendiri tentang hasil produk dari pokok gaharu tersebut dengan mengenakan bayaran.

Sekurang-kurangnya mereka tahu bagaimana membuat pokok gaharu mereka yang sudah matang menjadi *stress* dan sakit untuk mendapat bahan mentah dan taras atau pati minyak gaharu yang harga pasaran di Brunei Darussalam dijual \$120.00 setiap 3ml, sementara taras mengikut kualiti pokok tersebut. Tidak mustahil satu masa nanti negara kita menjadi pengeksport, jika pengusaha diberi pertolongan dan ilmu tersebut. Sekian, terima kasih.

#### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat atas soalan yang diajukan. Soalan pertama mengenai pelancongan. Berhubung tapak kawasan seperti Sungai Basong, Pantai Seri Kenangan dan beberapa kawasan lain di Sungai Tutong memang berpotensi untuk dimajukan. Seperti yang sudah di *establish* pada masa ini Taman Rekreasi Sungai Basong, Pantai Seri Kenangan, malah di kawasan Pekan Tutong sendiri sangat sesuai untuk dikembangkan lagi untuk destinasi pelancongan Daerah Tutong sebelum kita melarat ke tempat lain, dikhuatiri rencam ke sana ke mari nanti tidak ada satu pun yang berjaya.

Selanjutnya destinasi Tanjung Maya, kawasan Kampung Kiudang, Lamunin dan Bintuduh memang ada aktiviti komuniti yang boleh kitani jadikan dalam satu pakej untuk satu hari atau dua hari.

Walaupun sebahagian besar Sungai Basong, Pekan Tutong dan Pantai Seri Kenangan itu bukan di bawah kawalan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan untuk sama-sama menawarkan kawasan berkenaan di *develop* oleh pelabur-pelabur untuk mereka mengurus dan memelihara untuk dijadikan destinasi pelancongan dengan mengadakan bazar-bazar atau pun kiosk-kiosk untuk disewakan kepada orang ramai untuk menjual hasil kraftangan dan cenderahati di kawasan berkenaan. Perkara ini sudah sedia untuk ditawarkan kepada orang ramai untuk dilaksanakan oleh mereka.

Tasek Merimbun juga bukan di bawah kawalan kementerian. ia adalah di *consider* sebagai *heritage* di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sama juga kitani belum dapat menjangkau jauh selagi kitani belum dapat mengukuhkan apa yang ada di kawasan daerah Tutong di Basong, Pantai Seri Kenangan, Tanjong Maya, Kiudang dan Kampong Menengah.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan dilihat semula dengan bantuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk bagaimana kita memajukannya tanpa mengubah status *heritage* dan menjadikannya jua destinasi pelancongan.

Selanjutnya jua di daerah Tutong, sepatutnya komuniti memberi kerjasama, Jabatan Daerah dan Institusi

Penghulu dan Ketua Kampung sama-sama juga *develop* untuk menjadikannya sebagai destinasi yang terkenal kerana ia melibatkan komuniti. Misalannya, kenapa di daerah Temburong ada wajid Temburong dan cendol Temburong, kenapa di Daerah Tutong tidak di *develop* tapai Tutong, pulut panggang Tutong seperti terkenalnya wajid Temburong. Jangan berharap semuanya kepada kerajaan, cubalah komuniti itu sendiri mencari jalan sendiri supaya mereka dapat mengembangkan produk mereka seperti yang terdapat di daerah Temburong. Mungkin umai dan *bamboo chicken* boleh dimajukan di Daerah Temburong barangkali mungkin ada daripada etnik-etnik dari Daerah Tutong yang boleh dikembangkan sebagai terkenal bukan sahaja dijual di dalam negara tetapi dijual di luar negara ataupun dijual di persinggahan yang melalui Brunei.

Mengenai gaharu. Tadi ada disebutkan Jabatan Perhutanan telah menegah penebangan pokok gaharu beberapa tahun yang lalu. Sebenarnya beberapa tahun yang lalu juga, kementerian telah pun membolehkan peladang-peladang mengusahakan penanaman dan penebangan gaharu secara terkawal. Sebenarnya perusahaan gaharu dan perusahaan membuat minyak wangi daripada gaharu ini memberi pulangan yang lumayan kerana ia di bawah beberapa jabatan dan kementerian untuk mengembangkannya.

Di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ia jatuh di bawah Satu Mukim

Satu Produk (1K1P). Di bawah Kementerian Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian ia jatuh di bawah kategori *cottage industry*. Di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ia jatuh di bawah *down stream* perhutanan. Mereka ini sangat beruntung.

Kaola di Kementerian merasa pengusaha yang aktif dalam bidang gaharu ini lebih pakar daripada pegawai-pegawai kaola sebenarnya. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kaola akan cuba kalau ada kelebihan daripada mereka untuk mengongsikan pengetahuan berkenaan macam mana cara mengembangkan industri perusahaan gaharu ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini ditangguhkan dulu untuk kita berehat selama 20 minit.

**(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)**

**(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Yang Berhormat. Sekarang Majlis bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membolehkan kita meneruskan untuk mempertimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu. Sebagaimana yang kita ketahui kita masih lagi membincangkan dan membahaskan

Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya masih lagi mempunyai senarai yang panjang yang telah memberi notis untuk turut serta dalam membincangkan Tajuk ini. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Pertama-tama kali kaola lebih dahulu merakamkan dan mengucapkan ribuan terima kasih atas taklimat mengenai rancangan Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebelah pagi tadi.

Kaola dalam Dewan yang mulia ini ingin menyentuh Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan dalam anggaran perbelanjaan 2017/2018 Kod Akaun 003/002 - Ternakan Udang Galah dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara 1103 - Perikanan, 001 - Industri Ternakan Udang Fasa Ke-4. Seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebelah pagi dan sebentar tadi terdapat pemeliharaan udang galah di Daerah Tutong dan terdapat juga syarikat yang telah pun mengusahakannya.

Sepertimana yang kita sedia maklum, bahawa Daerah Temburong sudah terkenal dengan udang galahnya. Permintaannya memang agak baik, sehingga tidak dapat memenuhi permintaan orang ramai. Harganya pun melambung tinggi. Kaola difahamkan juga memang sudah ada usaha menternak udang galah air tawar di Sungai Temburong yang diusahakan oleh anak tempatan. Seperti yang ditaklimatkan tadi, Daerah Temburong tidak termasuk dalam rancangan pemeliharaan udang galah. Sehubungan dengan itu, kaola ingin bertanya:-

1. Apakah langkah-langkah dan rancangan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam mengatasi kekurangan udang galah di Daerah Temburong?; dan
2. Dipohonkan juga pengusaha-pengusaha udang galah di Daerah Temburong ini diberikan peluang juga menternak udang galah terutama memberikan bantuan sokongan penternak yang sedia ada dan menghidupkan semula kolam ternakan udang galah yang terdapat di Kampung Selangan yang suatu ketika dulu sudah pernah diusahakan dan mengeluarkan hasil.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berikut kaola ingin menimbulkan dan menyentuh Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam Anggaran Perbelanjaan 2017/2018 kod akaun E24007 dalam Perbelanjaan Khas Projek

Penanaman Padi. Sebenarnya kaola juga ingin menyentuh mengenai pengeluaran padi negara kita seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Haji Mohd Siput dan telah pun mendapat jawapan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, jadi kaola tidaklah menyentuh mengenainya. Walau bagaimanapun, kaola ingin meneruskan dalam Tajuk yang sama mengenai ladang padi di Daerah Temburong. Kaola ingin juga mengetahui perkembangan ladang pertanian padi di Kampung Perdayan dan juga di Kampung Senukoh. Berikut kaola ingin juga menyentuh KPLB (Kemajuan Pertanian Luar Bandar) bahawa di Daerah Temburong sekarang ini terdapat 5 buah ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar yang telah pun beroperasi. Kaola ingin bertanya:-

1. Mengenai dengan keahlian KPLB sebagai contoh ada pengusaha asal sudah menjual kepada pengusaha yang baharu; dan
2. Kedudukan jalan masuk ke ladang tersebut, contohnya KPLB Kampung Meniup tidak dapat dimasuki oleh kenderaan menyebabkan ladang-ladang tersebut sukar untuk didatangi. Kaola bercadang sudah tiba masanya konsep KPLB dan peraturan-peraturannya ditunduki dan dinilai semula mengikut perkembangan masa kini sesuai dengan Pelan Strategik 2016-2020 Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Akhir sekali, kaola juga berminat menyentuh dalam Tajuk SH06A K24150 - Perkembangan Produk Pelancongan. Dalam kesempatan ini, kaola lebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana telah mempromosikan Daerah Temburong sebagai *ecotourism* yang menarik di negara ini.

الحَمْدُ لِلَّهِ pada masa ini Daerah Temburong sudah pun terkenal dengan nama beberapa produk eko pelancongan ini seperti Taman Negara Ulu Belalong, Bukit Patoi, memancing udang galah di pondok memancing dan riadah MPK, Belais dan Buda-buda. *Homestay* Lubuk Batu Emas, Rumah Panjang, Tasek Buluh Air Merah, Sibut dan lain-lain lagi.

Dalam kesempatan ini kaola memklumkan dan bercadang seperti yang berikut:-

1. Supaya pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melibatkan secara aktif koperasi pelancongan di Daerah Temburong;
2. Mempromosikan lebih kerap melalui media massa serta kerap mengadakan rancangan bersama dengan melibatkan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung seperti yang dijelaskan tadi; dan
3. Kaola mengharapkan dalam rancangan eko pelancongan yang ditawarkan oleh kementerian ini, pengusaha-pengusaha pelancongan

di Daerah Temburong akan diberikan peluang dan kesempatan yang sama. Mudah-mudahan mereka yang berminat akan merebut peluang tersebut dengan sebaik-baiknya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan yang diajukan tadi. Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola menjawab dahulu soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput sebentar tadi sebelum kita berehat.

Mengenai fungsi dan peranan pusat *bio-diversity* di hutan tropika di Andulau. Adapun peranan pusat ini ada 3:-

1. Pusat yang menyimpan maklumat mengenai kepelbagaian sumber *bio-diversity* negara;
2. Sebagai pusat pengendalian aktiviti-aktiviti *research and development* dalam sumber biologi, di bangunan ini menyediakan beberapa buah makmal untuk diguna pakai bersama dengan institusi-institusi pendidikan dari dalam dan luar negara;
3. Bagi mendukung eko dan *education tourism*; dan
4. Dalam bangunan tersebut terdapat ruang pameran yang mempamerkan

mengenai kepelbagaian sumber hutan dan *bio-diversity*.

Pusat ini telah dibukakan bagi kunjungan orang ramai sama ada pelancong dan penuntut-penuntut sekolah untuk *educational visit*. Di samping itu, pusat ini juga telah mengendalikan aktiviti-aktiviti kajian bersama dengan institusi-institusi pendidikan luar negara. Antaranya seperti kerjasama penyelidikan dengan pihak *Centre for Agriculture and Bio-Science International (CAB International)*.

Sebagai usaha bahagian ini juga sedang membuat perundingan awal dengan Universiti Brunei Darussalam untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti penyelidikan menggunakan kemudahan makmal yang terdapat di bangunan ini dengan rakan potensi dari Korea. Dalam kesempatan ini, pihak kementerian juga mengalu-alukan orang ramai termasuk penuntut-penuntut sekolah untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke pusat ini.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu. Kaola akan menjawab sebahagian sahaja dan sebahagiannya lagi akan kaola jawab kemudian, Yang Berhormat Pengerusi. Bagi kekurangan udang galah di Daerah Temburong dan apakah usaha-usaha kementerian untuk membanyakkan lagi udang galah yang dihasilkan di Daerah Temburong, ini melibatkan juga penduduk-penduduk Daerah Temburong dalam usaha udang galah ini. Kekurangan udang galah di Daerah Temburong kebanyakannya

adalah disebabkan tangkapan yang berlebihan, tidak terkawal. Misalannya penangkapan udang galah yang masih lagi muda, belum matang untuk ditangkap dan juga penangkapan udang indung yang sepatutnya untuk membiak tapi juga ditangkap dengan digunakan ataupun dijual.

Bagaimana cara kita untuk menambahkan stok udang galah di Sungai Temburong. Antaranya:-

1. Melepaskan anak-anak udang galah di perairan yang tertentu di Sungai Temburong;
2. Sedang berjalan pada masa ini ialah menggunakan sistem akuakultur iaitu menggunakan kolam di kawasan Kampung Selangan. Sudah ditawarkan sebahagian tanah untuk pengusaha untuk mengusahakan penternakan udang galah secara berkolam;
3. Kerjasama dari beberapa tempat lain seperti di Rampayoh. Ini bukanlah inisiatif kementerian, tetapi ini adalah inisiatif *private sector* iaitu pengusaha di Rampayoh mengadakan kolam memelihara udang galah.
4. Di samping mengadakan kemudahan untuk penetasan udang galah, anak udang galah yang dihasilkan di Kampung Rampayoh digunakan untuk sama ada dilepaskan untuk Daerah Temburong dan juga untuk dibeli oleh pengusaha yang

menggunakan kolam di Daerah Temburong dan lain-lain lagi.

5. Sebenarnya kekurangan udang galah bukan sahaja di Daerah Temburong tetapi di seluruh Negara Brunei Darussalam. Kementerian menggalakkan siapa sahaja untuk yang ingin berkecimpung dalam pemeliharaan udang galah terutamanya melalui sistem berkolam ataupun bertangki; dan
6. Misalannya, yang kita dengar baru-baru ini iaitu tiga hari yang lepas seorang pelabur *joint venture* dari Singapura dan Brunei akan mengadakan *vertical farming* perikanan di Kampung Sungai Jambu juga akan bercadang untuk memelihara udang galah juga secara berkolam dan berteknologi moden.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ beberapa tahun akan datang kekurangan udang galah mudah-mudahan akan dapat kita atasi. Sama juga kita tidak pernah menghalang mana-mana pihak dari Daerah Temburong atau di tempat lain yang berminat untuk belajar, aktif dan mahu terlibat dalam mengusahakan udang galah adalah dialu-alukan dan jika perlu mereka mendaftar untuk diadakan sesi latihan dan lawatan di beberapa tempat yang sudah berjaya mengusahakan penternakan udang galah ini.

Soalan yang kaola akan jawab seterusnya adalah berkenaan dengan pelancongan. Cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Sabtu tadi untuk Jabatan Kemajuan

Pelancongan melibatkan koperasi pelancongan di Daerah Temburong untuk terlibat dalam industri pelancongan.

Memang kita menggalakkan sesiapa sahaja untuk terlibat dalam aktiviti pelancongan ini dan kita berasa kagum sebabnya di kawasan dari ke Kampung Batang Duri, hingga ke taman ulu-ulu itu pengusaha yang menjalankan bot iaitu bot yang membawa pelancong ke Kampung Batang Duri, ke ulu-ulu itu diusahakan oleh belia yang tinggal di kawasan kampung berkenaan. Kebanyakan aktiviti pun melibatkan banyak belia di Daerah Temburong dan begitu juga aktiviti-aktiviti yang lasak.

Ada juga kaola dapati orang-orang yang sudah menyediakan kenderaan bagi pelancong-pelancong, sama ada menggunakan bas ataupun teksi untuk membawa pelancong dari bandar ke Kampung Batang Duri dan dari Kampung Batang Duri menggunakan bot ke ulu-ulu. Jadi tidak ada halangan untuk penglibatan belia. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**  
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi, dalam kesempatan ini kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam perancangan dan pelan tindakan kementerian memperkasa ekonomi Negara Brunei Darussalam, mudah-mudahan berjaya.

Kaola akan membawakan Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan. Adakah Jabatan Kemajuan Pelancongan merancang menawarkan tapak pelancongan untuk dimajukan tapi seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi memang ada. Dicadangkan supaya tapak-tapak pelancongan yang berpotensi ditawarkan kepada pelabur tempatan dan dipohonkan tapak-tapak berpotensi seperti pantai-pantai, tasik-tasik di pedalaman dan di mana juga berpotensi untuk dikomersialkan.

Dicadangkan juga Jabatan Kemajuan Pelancongan akan membuat usaha *join venture* memajukan satu tapak pelancongan bersama pelabur tempatan dengan kadar peratus yang dipersetujui. Kaola kira ini boleh membantu menjadikan Jabatan Kemajuan Pelancongan tidak memerlukan peruntukan yang tinggi tetapi mampu menjadikan industri pelancongan sebagai industri yang berkembang maju di Negara Brunei Darussalam melalui Unit Perniagaan Jabatan Kemajuan Pelancongan, jika ada.

Kaola juga memohon untuk memberi keutamaan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang berminat untuk menjadikan pelancongan sebagai aktiviti perekonomian seperti MPK Kilanas yang mencadangkan tapak

Bukit Dadap yang terdapat *wasai* untuk dimajukan sebagai destinasi pelancongan. Juga dipohonkan bantuan peruntukan untuk memajukan tapak pemusatan ternakan madu kelulut. Kami akan memohon pusat tapak yang dikenal pasti, Ternakan madu kelulut di samping menghasilkan madu ia juga berpotensi sebagai destinasi pelancongan.

Seterusnya Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Dengan Peruntukan 2017/2018. Diharapkan pembayaran padi kepada pengusaha-pengusaha akan mengikut jadual sepatutnya. Sesungguhnya pembayaran padi ini sangat-sangat diharapkan dan ditunggu-tunggu oleh pengusaha-pengusaha Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Dalam projek ekonomi khususnya, salah satu objektif Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah mengurangkan kebergantungan pada bantuan-bantuan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis Ugama Islam.

Adakah juga perancangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk menambah sumber air irigasi bagi keperluan irigasi tadahan ladang-ladang padi dalam Mukim Pengkalan Batu? Dicadangkan juga memperkasa fungsi Unit Penguatkuasaan Jabatan Pertanian daripada penggunaan racun-racun kelas 1 dan 2, yang membahayakan pengguna mengikut maklumat dari ladang-ladang sayur dan sayur import. Jika ini tidak dipantau, akan membahayakan pengguna.

Seterusnya Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan. Dipohonkan penglibatan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung khususnya Zon 5, untuk mengambil kayu-kayu hutan yang terpilih dan teras kayu di hutan dan sungai-sungai untuk menghasilkan kraf tangan dan *furniture* yang bersesuaian. Kraf tangan yang giat diusahakan pada masa ini ialah pembuatan sarung dan ulu parang dan kraf tangan yang berasaskan kayu.

Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Kaola mencadangkan supaya:-

1. Pemantauan keselamatan hasil-hasil perikanan khususnya yang diimport, mengelakkan ikan-ikan sama ada yang segar dan kering daripada pencemaran kimia-kimia yang tidak wajar;
2. Pemantauan harga-harga hasil perikanan. Ini bagi kepentingan pengguna dan peniaga supaya keyakinan pengguna khususnya kepada peniaga tempatan, ini boleh membantu mereka supaya akan lebih berjaya; dan
3. Peruntukan sumber tenaga manusia bagi Unit Penguatkuasaan di tambah jika masih kekurangan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat atas soalan yang

tadi itu. Soalan yang ditujukan itu terlalu banyak Yang Berhormat Pengerusi, mungkin tidak dapat kaola jawab kesemuanya dan akan dijawab lain kali.

Mengenai Bahagian Pelancongan untuk menambah tapak pelancongan untuk diusahakan/ditawarkan kepada pelabur-pelabur tempatan.

Seperti yang kaola maklumkan tadi, memang ada sudah tawaran-tawaran dibuat. Misalannya tahun lepas sudah membuat pelaburan memajukan, mengoperasi dan memelihara *The Berakas Forest* (Pusat Rekreasi Hutan Simpan Berakas) yang ditawarkan pada 19 Januari 2016, cuma 2 peserta yang *submit* tetapi tidak sesuai. Ditawarkan semula pada 20 Jun 2016, cuma seorang sahaja yang ikut serta tetapi cadangannya juga tidak bersesuaian, jadi tidak diteruskan. Ertinya kita mahu memelihara hutan itu sebagai hutan dan destinasi pelancongan, bukan untuk membuat hotel atau tapak lain, jadi tidak dibenarkan kerana masih lagi hutan. Cuma kawasan *public area* itu akan kitani tawarkan kepada orang ramai untuk memajukannya supaya orang ramai yang pergi ke sana tidak perlu melibatkan kerajaan untuk memeliharanya.

Jadi yang selanjutnya, kementerian telah menawarkan untuk dibuat pelaburan, dibangunkan dan dioperasi dan juga dipelihara Pusat Pelancongan dan Kebudayaan di Kampung Lorong Sikuna dan juga membangunkan sekelilingnya. Ditawarkan pada

15 September 2016, hanya 11 orang yang mendaftar tetapi cuma 2 orang sahaja yang menghantar cadangan dan akhirnya satu cadangan telah dipilih dan masa ini untuk diteruskan tetapi analisis yang dibuat oleh kementerian dan juga pemaju, sebenarnya tidak menguntungkan. Ia terpaksa memilih tempat lain lagi untuk menambah keuntungannya, kalau tidak perkara ini tidak akan berjalan juga.

Berhubung dengan tawaran dibuat untuk melabur, membangun operasi dan *maintain The Sibung Hutan* di Kampung Tanah Jambu. Terdapat 2 peserta dan sokongan pun telah dibuat kepada satu cadangan dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan di *interview* kalau benar-benar ia berkeupayaan. Permohonan ini daripada lokal dan akan diserahkan kepada mereka untuk memajukannya sebagai satu desitnasi pelancongan, *ecotourism* juga. Jadi ertinya memang tawaran terbuka kepada sesiapa sahaja yang dapat membuktikan kemampuan mereka untuk melaksanakannya.

Kedua, memajukan kawasan-kawasan perundingan kampung seperti di Bukit Dadap, Kilanas dan lain-lain itu. Jadi ini pun, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dilihat dikaji semula, disebabkan permintaan ini banyak di Kampung Kuala Balai, di Kampung Labi, di Kampung Rampayuh, di Kampung Bukit Dadap dan di Kampung Air. Jadi Kementerian terpaksa melihat yang berpotensi dan boleh digunakan secara *PPP* lagi bagus ataupun cara menggunakan komen teks sendiri untuk *develop* lebih bagus daripada mengharapkan kerajaan. Kalau

inda semuanya meminta kemudian satu pun tidak dapat. Sebab itu kaola akan memfokus mana yang lebih *flexible* yang boleh dibuat dengan sempurna dan berbaloi serta boleh membawa pelancong-pelancong ke dalam negara akan diteliti.

Pusat Tapak Perniagaan Kemajuan Madu Kelulut ini. Dimaklumkan awal tadi pasaran madu kelulut ini paling beruntung juga sama dengan gaharu. Misalnya ia di bawah 3 jajaan iaitu di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu di bawah satu Kampung Satu Produk, industri, *cottage-industry* dan perhutanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di bawah *downstream*.

Berkaitan dengan tapak adalah lebih baik abiskita berunding dengan pihak perindustrian. Sama ada tapak itu di kampung sendiri ataupun tapak yang sudah ada infrastruktur. Jadi tidak payah lagi menyediakan belanja untuk *upgrade* elektrik, air dan sebagainya. Mungkin ada tapak-tapak yang sudah sedia ada untuk mereka ke sana sahaja tidak perlu ke tempat-tempat baharu. Barangkali lebih baik berunding dengan pihak *DARE*?

Mengenai pembayaran Pertanian padi supaya mengikut jadual. Pihak Kementerian memohon maaf kerana peruntukan pada tahun lepas itu tidak mencukupi disebabkan pengeluaran padi itu meningkat. Walau bagaimanapun perundingan telah pun dibuat dengan Kementerian Kewangan pembayaran dibuat dengan segeranya

kalau boleh tahun ini. Adakah rancangan untuk penambahan sumber pengairan bagi Mukim Pengkalan Kota Batu?. Jadi pengairan yang asas atau sumber pengairan kawasan berpadi di Daerah Brunei Muara keseluruhannya adalah di kawasan *Emang Dam* (Ampangan Emang) dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-11 telah pun dipohonkan untuk mendalamkan lagi ampangan itu supaya kapasiti air yang ditampunginya itu bertambah. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** persetujuan telah pun dibuat dan akan diusahakan melalui Rancangan Kemajuan Negara ke-11. Dengan demikian selaras dengan aspirasi untuk menambah *yeild*, menambah hasil per hektar itu memerlukan banyak air. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perundingan telah dibuat dengan pihak tertentu untuk menjadi keutamaan.

Penguatkuasaan pengurangan racun kelas 1 dan kelas 2, ada baiknya saya nanti kembali dengan soalan ini Yang Berhormat Pengerusi. Soalan perhutanan dan juga perikanan pemantauan dan penyamaran dan *enforcement* akan disentuh kemudian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya persilakan seterusnya Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi kaola ingin mengemukakan seperti berikut:-

1. Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan. Dalam usaha membantu dan memudahkan nelayan-nelayan di Mukim Seria dicadangkan supaya penempatan penurunan perahu nelayan dan kemudahan tempat letak perahu nelayan dicadangkan akan dapat disediakan bagi kemudahan penurunan penaikan perahu dan penyimpanan perahu nelayan di suatu tempat di pinggir kawasan yang difikirkan sesuai misalnya kawasan berdekatan Kuala Sungai Seria iaitu kawasan Lorong 7 Mukim Seria. Sejak 2 tahun yang lalu telah dipohonkan oleh nelayan-nelayan ini, tetapi belum mempunyai tempat yang tetap, mungkin juga belum ada tempat yang boleh dikenal pasti oleh pihak Jabatan Perikanan. Yang Berhormat Pengerusi mohon perkara ini mendapat perhatian dan pertimbangan;
2. Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Nampaknya kaola sukar juga untuk bercakap mengenai penanaman padi di kawasan abis kaola. Jadi sebagaimana kaola difahamkan bahawa petani-petani penanam padi di Kampung Lalit, Lumut 1 Mukim Liang mempunyai sawah-sawah padi boleh dikategorikan bersifat tradisi walaupun tapak sawah tersebut telah dibuka oleh pihak Jabatan Pertanian sejak 5 tahun yang lalu.

Dalam hemah kaola wajarlah dibantu untuk dijadikan sawah padi betaraf sawah sebenarnya terutama pemeliharaan saluran-saliran semasa

musim-musim hujan supaya tidak akan mengalami banjir yang menyebabkan tanaman padi tengelam seperti sawah padi di Kampung Lalit Lumut 1 di Mukim Liang ini. Sebagai contoh pada tahun ini sahaja oleh sebab musim hujan menyebabkan terdapat 2 kali sawah padi itu tengelam dan menyebabkan penghasilannya bekurangan daripada kebiasaannya;-

3. Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan. Di Kampung Sungai Liang, Mukim Liang terletak Jabatan Perhutanan Brunei dan yang menarik di sini ialah terletaknya Muzium Perhutanan yang mempamerkan khazanah-khazanah dalam perhutanan yang menarik pelawat dan pelajar-pelajar.

Di samping itu, juga ada tempat rekreasi seperti sebuah taman dibuat dengan laluan-laluan riadah yang menarik masyarakat dari luar dan dalam mukim. Pada masa yang lalu terdapat taman pemeliharaan binatang seperti rusa dan tempat inilah dikenali sebagai Kebun Hutan. Kaola sukacita mencadangkan supaya Muzium dan Kebun Hutan ini akan dipelihara, diperbaiki untuk tujuan rekreasi dan tarikan pelancongan serta pusat kajian perhutanan bagi pelajar-pelajar dalam jurusan perhutanan dari dalam dan luar negeri.

Berhubung tujuan pembangunan universiti yang terletak di kawasan Andulau, Kampung Sungai Liang dan peranannya kaola menyokong saranan

rakan sejawat Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput dan kaola amat menyokong penerangan dari Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Bangunan tersebut berfungsi sepenuhnya sebaik mungkin terutama sekali sebagai pusat membuat kajian bagi pelajar-pelajar luar dan dalam negeri dalam hal ehwal perhutanan. Yang Berhormat Pengerusi sekian sahaja terima kasih  
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai tempat penurunan perahu di Daerah Belait. Sebenarnya kementerian melalui Jabatan Perikanan sudah menilai beberapa tempat yang paling sesuai tetapi nampaknya terhad. Walau bagaimanapun akan dicuba lagi mencari tempat yang sesuai. Selanjutnya yang penting juga jangan nanti apabila dibuat tidak digunakan atau tidak berbaloi dengan berapa jumlah nelayan yang akan menggunakannya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diusahakan.

Mengenai Sungai Liang. Penanaman padi di Kampung Lalit berlaku banjir. Perkara ini pun akan diteliti kerana masalah banjir ini bukan dibawah kawalan dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diteliti dengan kementerian berkenaan apa puncanya. Adakah perkara ini dapat dielakkan atau tidak. Sebenarnya kawasan penanaman padi di Negara Brunei Darussalam ini tidak banyak yang sesuai untuk pengairan padi. Yang paling sesuai pada masa ini hanyalah di Daerah Brunei dan Muara disebabkan ada sumber air di *Imang* dan

Satu kawasan yang mungkin sesuai adalah di salah sebuah kampung di Daerah Temburong. Kampung Peradayan juga tidak sesuai untuk menanam padi yang berhasil tinggi yang memerlukan banyak air.

Di Daerah Belait seperti di kawasan lot Labi pun nampaknya tidak berapa sesuai untuk kita menanam padi secara tertentu dengan hasil yang tinggi tanpa masalah banjir dan lain-lain lagi.

Mungkin satu masa difikirkan adakah perlu kita meneruskan penanaman padi ataupun lebih sesuai untuk ditanam di kawasan-kawasan lain yang lebih menguntungkan kepada peladang-peladang. Tapi masalah banjir harus perlu diteliti secara lain sama ada isu perairan, pengairan tali air ataupun lain-lain lagi. Perkara ini akan dikaji secara teknikal dengan pihak yang berkenaan.

Cadangan pusat perhutanan di Mukim Sungai Liang terdapat muzium dan terdapat taman rekreasi dan taman haiwan ataupun zoo untuk dipelihara. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** cadangan ini akan diusahakan sedemikian supaya menjadi sumber pendidikan dan sumber pelancongan juga. Cadangan bagi *diversity* seperti yang kaola terangkan tadi pun akan disokong sepenuhnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat ada antara soalan-soalan yang dikemukakan itu berulang-ulang. Jadi bagi saya barangkali kalau sudah dijawab ataupun diberi penerangan janganlah lagi ditimbulkan

semula dan ada antara soalan yang dikemukakan itu pernah dikemukakan pada tahun-tahun yang sudah.

Jadi perkara itu juga sudah dijawab oleh pihak kerajaan. Saya kira barangkali akan mengurangkan kita punya *effectiveness* kalau sekiranya kita mengulangi yang sudah-sudah itu berkali-kali. Ada baiknya kalau kita melihat ke hadapan dan bertanya mengenai perkara yang lebih menguntungkan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** dan salam sejahtera. Kaola hanya ingin menyentuh 3 perkara dalam Tajuk SH06A-Bahagian Pelancongan:-

1. Dengan mengambil maklum bahawa pada masa ini syarikat-syarikat pelancongan yang membawa masuk pelancong-pelancong ke Negara Brunei Darussalam mempunyai pemandu pelancong mereka sendiri tetapi pada pengamatan kaola kebanyakan pemandu-pemandu pelancong itu orang luar sama ada dari negara jiran dan sebagainya. Pengetahuan mereka mengenai negara ini mungkin masih meragukan

jadi apabila mereka itu memberikan penerangan kepada pelancong-pelancong mengenai negara kita dikhuatiri tidak akan memberikan penerangan yang tepat dan betul.

Untuk itu kaola mencadangkan jika sekiranya diadakan satu skim terutama untuk membantu pencari-pencari kerja dalam kalangan anak-anak tempatan kita berkecimpung dalam bahagian pemandu pelancong ini dididik mereka itu dalam satu pasukan sama ada kita menyerahkannya kepada satu syarikat swasta untuk mengadakan apa yang dipanggil Syarikat Pemanduan Pelancongan khusus mendidik para pemandu pelancong dengan menyewakannya kepada orang-orang yang tertentu. Syarikat-syarikat pelancongan ataupun kerajaan sendiri yang membentuk satu pasukan pemanduan pelancong dengan mengambil beberapa orang penuntut-penuntut tertentu dijadikan pemandu pelancong profesional. Kaola rasa banyak belia yang berminat dalam perkara ini;

2. Kita sering menggelar Kampung Air sebagai destinasi pelancongan dengan memberikan julukan *Venice of The East* ataupun *Venice Timur* yang menggambarkan kepada pelancong keindahan apabila melihat Kampung Air itu. Kaola sendiri setiap kali berdiri di *water front* di Bandar Seri Begawan melihat ke Kampung Air, kaola melihat satu fenomena yang memberikan kaola satu simpati kepada orang-orang yang tinggal

di Kampung Air terutama keadaan bangunan orang-orang kita di Kampung Air itu ada yang seolah-olah bangunan lama, usang, atap yang berkarat dan sebagainya.

Alangkah eloknya jika kerajaan mempunyai satu skim bantuan mudah untuk orang-orang Kampung Air. Dengan memberikan bantuan kewangan secara mudah dengan syarat-syarat pembayaran yang mudah untuk mereka itu membaiki ataupun membaik pulih rumah-rumah mereka terutamanya bahagian atap, bahagian-bahagian rumah yang nampak daripada luar. Dengan sendirinya kita akan memberikan semangat kepada orang-orang Kampung Air itu.

Bukan hanya mereka itu sebagai tontonan pelancong tetapi juga kita mahu mereka hidup bersemangat dan mengambil bahagian secara aktif dalam pelancongan ini. Mereka kalau boleh dapat di bawah pimpinan dalam bimbingan ketua-ketua kampung dan penghulu mukim masing-masing. Menjana pendapatan daripada kedatangan pelancong-pelancong itu seperti dengan memperkenalkan kuih-kuih tradisional dan produk-produk Kampung dan bukan hanya sebagai tontonan para pelancong dengan lalu di rumah mereka itu.

Sehubungan dengan itu juga kaola minta kalau dapat Jabatan Daerah dan Jabatan Pelancongan dapat bersatu tenaga untuk membisakan

keadaan di Kampung Air, terutamanya laluan titian itu kaola lihat dalam penggambaran *video* para pelancong lalu di titian yang daif dan kurang selamat usulnya. Jadi kalau dapat perkara ini dapat ditunduki dengan baik bagi memberikan imej yang lebih bagus kepada para pelancong; dan

3. Seterusnya soalan kaola yang penghabisan. Kaola cadangkan satu projek inovatif dan kreatif bagi mengubah *design* atau bentuk kenderaan *motor boat* Kampung Air kaola rasa selama ini ada kitani terlepas pandang dari segi keselamatan kerana kebanyakan kitani bila naik sahaja perahu atau *motor boat* kitani akan duduk di sebelah tepi dan bila ada ombak kitani mungkin akan terpelanting dan amatlah membimbangkan.

Apa kiranya seperti mana juga pernah dibuat dalam satu projek usaha sama dengan Institut Teknologi Brunei menghasilkan satu *design* yang lebih mesra penumpang kerana jika perahu itu mesra penumpang orang pun senang naik turun bukan seperti sekarang ini bentuk perahu itu agak susah bagi orang-orang tertentu, apa lagi orang-orang tua, ibu-ibu mengandung dan sebagainya untuk turun naik melibatkan keselamatan ditambah lagi tempat penaikan yang kaola dapati ada yang kurang selamat seperti tangga-tangga berhadapan dengan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan menyusur ke kawasan

Kianggeh dalam keadaan licin dan berlumut menyebabkan orang boleh jatuh dan terlibat dalam kemalangan.

Untuk itu kaola sarankan dan cadangkan supaya diadakan satu skim usaha sama untuk men *design* bot secara lebih praktikal dan selamat supaya semua orang dapat naik dengan rasa selesa dan rasa selamat. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang diajukan.

Soalan Pertama. Berkenaan dengan pelancongan iaitu memohon supaya pemandu pelancong terdiri daripada orang yang betul-betul *qualified* dan kalau boleh banyakkkan orang dalam negara. Sebenarnya mulai tahun lepas Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan telah pun memulakan inisiatif ini dengan kerjasama sebuah Institut Pendidikan Swasta iaitu *Laksmana College* untuk mengadakan kursus-kursus kepada pemandu pelancong dalam pelbagai *level*. *Level* 1, 2 dan 3. Yang sudah dijalankan masa ini ialah *Label* 1 seramai 100 orang sudah pun menghadirinya termasuk pemandu-pemandu pelancong yang sudah aktif selama ini dan yang baharu.

Ertinya dibukakan kepada terutama sekali kepada belia yang belum ada pekerjaan. Jadi mereka menghadiri

kursus ini untuk menjadi orang yang terlatih dan *qualified*. Kementerian akan memberi mereka setelah tamat lencana (*batch*) untuk mengenalkan mereka sebagai pemandu yang *qualified*. Mereka ini akan menjadi pemandu secara *freelance*. Mereka ini boleh dipanggil bila-bila masa sahaja oleh ejen-ejen pelancongan untuk membantu mereka jika ada pelancong yang datang ke Brunei yang memerlukan *guide* ataupun pemandu. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan diteruskan dan akan disambung dengan *Level 2, Level 3* supaya keberkesanan mereka lebih tinggi lagi dan boleh digunakan peringkat yang lebih tinggi. Misalnya di negara jiran sebagai *LO* ataupun pengiring kepada VIP yang sedang menghadiri seminar-seminar, forum-forum negara mereka. Jadi dengan tanpa menggunakan pegawai kerajaan untuk memandu orang-orang kenamaan di luar negara, menteri-menteri *senior office* mereka menggunakan *freelance* ini yang terlatih untuk menjadi pemandu mereka membawa ke sana ke mari.

Mengenai Kampung Air, Skim Bantuan Mudah kepada orang Kampung Air untuk membaiki rumah seperti atap dan lain-lain itu supaya mereka bersemangat untuk aktif dalam industri pelancongan. Perkara ini tidak dapat dipastikan macam mana untuk melaksanakan.

Walau bagaimanapun, Jabatan Kemajuan Pelancongan memfokus kepada satu kawasan yang lebih kemas seperti kawasan di Lorong Sikuna. Terdapat perumahan yang disediakan oleh pihak Yayasan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan di sana terdapat juga Galeri Pelancongan dan Kebudayaan. Jadi fokus kementerian terdapat beberapa buah rumah yang menawarkan Inap Desa untuk pelancong-pelancong. Perbincangan yang dibuat sekarang ini melalui RKN untuk membaiki *pail* itu untuk menghubungkan tempat-tempat tertentu misalannya Galeri Pelancongan Inap Desa dan orang membuat perahu, restoran, surau di *connect* dengan *pail* yang lebih sesuai, lebih kukuh.

Jadi pelancong akan menggunakan tempat itu sahaja. Tidak dapat kitani terlampau *ambitious* bercita-cita besar untuk restoran Kampung Air. Mungkin satu mukim di Lorong Sikuna itu ia betul-betul berdepan dengan *Waterfront* Bandar Seri Begawan dan juga ada cadangan akan *connect waterfront* sebelah Kampung Air bertentangan *Waterfront* Bandar Seri Begawan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** tertakluk kepada keupayaan kitani untuk membelanjakannya akan diusahakan dan permohonan pun sudah dibuat dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** mudah-mudahan dilaksanakan.

Selanjutnya berkenaan dengan projek inovatif kreatif yang mengubah *design motorboat* bagi kampung Air terutama dari segi keselamatannya. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diteliti. Kementerian akan berbincang dengan kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Perhubungan terutamanya dalam bidang *transport* ini untuk mengamatinya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan yang panjang lebar yang telah dijawab oleh yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang menjawab soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita balik bersidang semula ke Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada hari Isnin, 13 Mac 2017 Pukul 9.30 pagi, sekian. **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**